



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

**MINIT MESYUARAT**  
**MAJLIS BERSAMA JABATAN**  
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**  
**BILANGAN 2 TAHUN 2023**

Tarikh : 24 Ogos 2023 (Selasa)  
Masa : 2.30 – 4.30 petang  
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara  
Aras 6, Blok Menara 4G2  
Wisma Tani, Putrajaya / Atas Talian

**KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:**

1. Dato' Adnan bin Hussain - Pengerusi  
Ketua Pengarah Perikanan
2. Tn. Hj. Bohari bin Hj. Leng - Ahli  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
3. Mohamed Rizal Bin Mustafa @ Mustapha - Ahli  
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Puan Shamila binti Zainol - Ahli  
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
5. Puan Hasliza binti Kasim - Ahli  
Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Puan Mas Ayu binti Johari - Ahli  
Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias - Ahli  
Bahagian Pembangunan Modal Insan
8. Puan Liza binti Long - Ahli (Hadir atas talian)  
Jabatan Perikanan Laut Sarawak
9. Puan Nur Ilyani binti Md Aris - Setiausaha Pihak  
Bahagian Khidmat Pengurusan Pengurusan
10. Puan Nurul Husna binti Zaidi - Urus setia  
Bahagian Khidmat Pengurusan

11. Puan Faradila Laili binti Jun  
Bahagian Khidmat Pengurusan

- Urus setia

**KEHADIRAN WAKIL PEKERJA:**

1. Puan Anis Mazidah binti Abd Samad  
Bahagian Akuakultur  
Naib Pengerusi dan Wakil Pekerja G48
2. Encik Mohd Azrul bin Mahmud  
Bahagian Akuakultur  
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41/G44)
3. Puan Roslana Binti Zainal  
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)  
Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19 / N22 / N29 / N28 / N32 / N36)
4. Encik Magenthiran A/L Tharmalingam  
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan  
Wakil Pekerja Gred G19/G22/G26
5. Encik Mat Arif bin Mat Arof  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)
6. Puan Noraini Binti Md Nor  
Cawangan Pengurusan Maklumat  
Juruteknik Komputer / Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Pegawai  
Teknologi Maklumat Gred FT19/F26, FA29/38 & F41/F48

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

**Wakil Pengurusan**

1. Puan Agnes Caroline Anak Gibea  
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Wakil Pekerja**

1. Encik Muhammad Shakirin bin Suhaimi  
Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan  
Pegawai Perikanan G41
2. Encik Ahmad Sani bin Ahmad Razali  
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan  
Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/ N22/N26)

## **1. UCAPAN ALUAN Pengerusi MBJ**

- 1.1. YBhg. Dato' Adnan bin Hussain selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal serta mengalu-alukan kehadiran wakil pengurusan dari Jabatan Perikanan Laut Sarawak secara atas talian.

**Tindakan: Makluman**

- 1.2. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan satu permohonan pindaan Perlembagaan MBJ telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 27 Februari 2023 susulan daripada perbincangan bersama Wakil Pekerja pada tahun 2022. Surat kelulusan pindaan perlembagaan MBJ telah diterima daripada pihak JPA melalui surat bertarikh 25 Julai 2023.

**Tindakan: Makluman**

- 1.3. YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan kerajaan sedang melaksanakan kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi tujuan menambahbaik Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sedia ada dengan memberi fokus kepada tiga skop utama iaitu perjawatan dan organisasi, gaji dan elaun serta pengurusan bakat. Beliau turut menyeru agar kakitangan Jabatan ini dapat meningkatkan produktiviti dan efisiensi dalam menjalankan tugas untuk memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan Perikanan adalah pada tahap 100%.

**Tindakan: Makluman**

## **2. UCAPAN ALUAN WAKIL NAIB Pengerusi MBJ**

- 2.1. Naib Pengerusi MBJ, Puan Anis Mazidah binti Abd Samad mengucapkan salam dan terima kasih kepada pihak pengurusan dan ahli yang hadir. Beliau turut memaklumkan mesyuarat pada hari ini diwakili oleh enam (6) orang Wakil Pekerja yang hadir secara fizikal.

**Tindakan: Makluman**

- 2.2. Puan Anis Mazidah mengucapkan tahniah di atas kelulusan permohonan pindaan perlembagaan MBJ yang telah diterima daripada pihak JPA. Beliau turut memaklumkan dengan kelulusan pindaan perlembagaan ini, kini pelaksanaan MBJ tidak lagi dijalankan secara berasingan tetapi dilaksanakan sebagai satu MBJ Jabatan.

**Tindakan: Makluman**

### **3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 1 TAHUN 2023**

3.1. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 1 Tahun 2023 disahkan **dengan pindaan** pada perkara 4.3.3 seperti berikut:

“YBrs. Dato’ Pengerusi turut mencadangkan agar Jabatan Perikanan Laut Sarawak membuat penyusunan perjawatan secara dalaman di peringkat JPLS memandangkan Mesyuarat Perjawatan JPLS memutuskan untuk mengekalkan perjawatan sedia ada di dua daerah tersebut.”

**Tindakan: Urus setia**

### **4. MAKLUM BALAS MESYUARAT MBJ BIL.1/2023**

#### **4.1. Sesi Penerangan Urusan Penambahbaikan Skim Pembantu Perikanan Gred G19 ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29**

4.1.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Wakil Pekerja mencadangkan agar sesi penerangan tersebut ditangguhkan terlebih dahulu memandangkan kertas cadangan penambahbaikan Skim G19 ke G29 yang asal telah diterima daripada APM. Kertas cadangan asal tersebut akan dikemaskini sebelum diserahkan kepada pihak pengurusan untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan: Wakil Pekerja**

#### **4.2. Urusan Penarafan Sijil Perikanan**

4.2.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan Jabatan untuk menjadikan Sijil Perikanan sebagai salah satu syarat kemasukan Penolong Pegawai Perikanan G29 dalam perhatian dan penelitian oleh pihak JPA.

**Tindakan: Makluman**

#### **4.3. Naik Taraf Perjawatan Pembantu Perikanan Gred G19 di PPD Kucing dan Santubong ke Gred G22**

4.3.1. Pn. Liza Long, wakil Pengurusan bagi Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) memaklumkan bahawa perjawatan di JPLS tidak melibatkan Kerajaan Negeri Sarawak. Tiada kakitangan Kerajaan Negeri yang berkhidmat di JPLS. Oleh yang demikian, tiada permohonan ke Kerajaan Negeri Sarawak dikemukakan. Penstrukturan semula perjawatan di JPLS akan dilaksanakan sekiranya ada keperluan pada masa akan datang.

**Tindakan: Makluman**

#### **4.4. Semakan kelayakan Elaun Tanggung Kerja bagi Pegawai yang Melaksanakan Perjawatan Lain / Kerja-Kerja Kewangan**

4.4.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pertukaran dalaman telah disalinkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan untuk rekod Cawangan Personel. Bahagian-bahagian yang lain boleh mendapatkan data pertukaran/ sandangan negeri daripada BKP sebagai rujukan. Semakan perlu dibuat sekiranya pegawai yang pernah diberi kelayakan Elaun Tanggung Kerja bagi pegawai yang melaksanakan perjawatan lain/ Kerja-kerja kewangan telah bertukar atau tidak lagi menjalankan tugas tersebut.

**Tindakan: Makluman**

#### **4.5. Penghargaan bagi Pegawai yang Berkhidmat 25 Tahun ke Atas**

4.5.1. Pihak BPMI memaklumkan bahawa senarai kakitangan yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun di Jabatan ini telah diperolehi. Seramai 458 kakitangan telah dikenalpasti berdasarkan waran perjawatan yang terdiri daripada pelbagai tempat dan gred terlibat. Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan turut memaklumkan cetakan sijil akan dikeluarkan setelah persetujuan diperolehi dalam mesyuarat ini.

**Tindakan: BPMI**

4.5.2. YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan agar majlis penyampaian sijil kepada pegawai yang terlibat dilaksanakan oleh PTJ masing-masing di dalam majlis perhimpunan atau mana-mana majlis yang dirasakan bersesuaian.

**Tindakan: Makluman**

#### **4.6. Sijil Perikanan sebagai Syarat Sah Lantikan Penolong Pegawai Perikanan G29**

4.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa JPA telah menerima surat permohonan daripada Jabatan ini. Walau bagaimanapun, disebabkan kekangan tertentu, permohonan Jabatan ini masih belum dapat diangkat untuk kelulusan jawatankuasa di JPA.

**Tindakan: Makluman**

- 4.5.2 Mesyuarat turut dimaklumkan oleh Pihak BPMI bahawa Universiti Malaysia Terengganu kini sedang dalam proses untuk meminda nama program supaya bersesuaian dan juga dalam tindakan untuk menyemak semula kurikulum supaya selari dengan program yang dijalankan. UMT turut mencadangkan tiada lagi kurungan dalam program ijazah yang akan ditawarkan setelah mendapat kelulusan MQA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

**Tindakan: Makluman**

#### **4.7. Elaun Kerja Lebih Masa dan Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi**

- 4.7.1. Cawangan Kewangan, BKP memaklumkan bahawa peruntukan keseluruhan bagi Elaun Kerja Lebih Masa dan Tuntutan Perjalanan kerana Menjalankan Tugas Rasmi bagi tahun 2023 telah diterima dan penyaluran telah dibuat kepada semua PTJ. Sehubungan itu, kawalan perbelanjaan adalah di bawah Pengarah dan Ketua PTJ masing-masing manakala Cawangan Kewangan akan membuat penyelarasan sebaik sahaja menerima peruntukan tambahan selepas Oktober 2023.

**Tindakan: Makluman**

- 4.7.2. Wakil Pekerja memaklumkan pihak pekerja sedia maklum tentang isu kawalan perbelanjaan yang memberi kesan kepada tuntutan Elaun Lebih Masa dan Tuntutan Perjalanan kerana Menjalankan Tugas Rasmi. Walau bagaimanapun, terdapat PTJ yang tidak meluluskan Tuntutan Perjalanan kerana Menjalankan Tugas Rasmi sedangkan pelaksanaan tugas tersebut menggunakan kenderaan sendiri disebabkan oleh kekangan untuk menggunakan kenderaan jabatan.

**Tindakan: Makluman**

- 4.7.3. Pengarah BKP memaklumkan isu ini telah diselesaikan dan bayaran telah dibuat kepada pegawai yang terlibat.

**Tindakan: Makluman**

#### **4.8. Proses Pelupusan Fail Melebihi Lima tahun**

- 4.8.1. Permohonan pelupusan fail boleh dibuat oleh Bahagian berdasarkan Jadual Pelupusan Rekod iaitu selepas luput tempoh pengekal yang ditentukan. BKP telah mengadakan beberapa siri bengkel berkaitan Proses Pelupusan Fail seperti berikut:

- i. Bengkel Pengurusan Fail dan Rekod di Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah di adakan secara atas talian pada 20 dan 21 Oktober 2021.
- ii. Bengkel Pengharmonian Sistem Koding Fail bersama pihak Arkib Negara Malaysia pada 24 dan 25 Mei 2022 di Dewan Arowana DOF.

**Tindakan: Makluman**

## **5. ISU WAKIL PEKERJA**

### **5.1. Penambahbaikan Skim Pembantu Perikanan Gred G19 ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29**

- 5.1.1. Wakil pekerja memaklumkan Sijil Perikanan telah mendapat pengiktirafan daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan memohon agar pihak pengurusan untuk memanjangkan semula permohonan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) agar Sijil Perikanan dijadikan sebagai salah satu daripada Syarat Lantikan bagi jawatan Penolong Pegawai Perikanan Gred G29.

**Tindakan: Makluman**

- 5.1.2 Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Bahagian Khidmat Pengurusan sedia maklum mengenai perkara ini dan permohonan kepada pihak JPA telah pun dipanjangkan sejak tahun 2020. Perkara ini turut dimaklumkan kepada pihak JPA pada tahun ini melalui Kajian Skim yang sedang dijalankan dengan mencadangkan agar Sijil Perikanan dan Diploma Teknologi dijadikan sebagai salah satu Syarat Lantikan bagi jawatan Penolong Pegawai Perikanan Gred G29. Pihak Pengurusan juga telah menyediakan FAQ yang telah dimuatnaik di laman sesawang Jabatan berkaitan isu ini sebagai rujukan dan panduan Pihak Pekerja.

**Tindakan: Makluman**

## **6. HAL-HAL LAIN**

### **6.1. Pindaan Perlembagaan MBJ**

- 6.1.1. Wakil Pekerja memohon pandangan tarikh kuatkuasa pindaan perlembagaan MBJ dan kaedah pelantikan Wakil Pekerja yang akan dilaksanakan selaras dengan kelulusan perlembagaan MBJ baharu yang telah diluluskan.

**Tindakan: Makluman**

6.1.2. Selaras dengan kelulusan pindaan perlembagaan MBJ, lantikan Wakil Pekerja daripada pelbagai skim perlu dibuat sebagaimana yang telah diluluskan. Walau bagaimanapun, mengambil kira tempoh sesi lantikan Wakil Pekerja sedia ada akan tamat pada Februari 2024, YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan agar lantikan Wakil Pekerja yang baharu dibuat pada Februari 2024. Pemilihan Wakil Pekerja perlu dibuat oleh Pihak Pekerja sendiri tanpa melibatkan Pihak Pengurusan.

**Tindakan: Wakil Pekerja**

## 7. PENUTUP

YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

**DISEDIAKAN OLEH:**



.....  
**(NUR ILYANI BINTI MD ARIS)**  
Setiausaha Pengurusan  
Majlis Bersama Jabatan  
Jabatan Perikanan Malaysia



.....  
**(ENCIK MUHAMMAD SHAKIRIN BIN SUHAIMI)**  
Setiausaha Bersama  
Majlis Bersama Jabatan  
Jabatan Perikanan Malaysia

02/10/2023